

NewspaperSG

Peluang dan pendedahan matlamat utama

Berita Harian, 19 April 2014, Page 23

 Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

Peluang dan pendedahan matlamat utama

KEJOHANAN Pencak Silat Kebangsaan (PSK) ke-39 yang bermula hari ini bukan sahaja satu cara bagi pesilat setempat menguji keupayaan masing-masing.

Ia juga adalah peluang pesilat, terutama yang lebih muda, meraih pengalaman dan pendedahan, kata Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yacoob Marican.

“Ada ramai pesilat setempat yang giat berlatih, tetapi kurang peluang menguji keupayaan mereka dan meraih pengalaman bertanding.

“Satu cara mereka menambah pengalaman ialah dengan menyertai pertandingan peringkat nasional yang boleh menjadi landasan bagi mereka terus meningkatkan keupayaan masing-masing,” kata Sheik Alau'ddin.

Tambah Sheik Alau'ddin, beliau akan menggunakan kejohanan tahun ini bagi mencungkil bakat baru yang akan diundang menyertai latihan bersama pasukan nasional.

Antara lain, pesilat yang berlatih

dengan pasukan nasional bukan sahaja berpeluang menguji keupayaan mereka dalam pertandingan setempat malah berpeluang bersaing dengan pesilat asing dalam kejuaraan rantau atau dunia.

Seramai 465 pesilat dari 17 perguruan silat dijangka turun gelanggang hari ini apabila Kejohanan PSK ke-39 membuka tirainya di Dewan Sukan Jurong.

Ia bakal berlangsung selama dua hujung minggu bermula hari ini dan esok dan 26-27 April.



BERKALUNG EMAS: Pesilat Sekolah Silat Sukan Grasio memenangi 35 emas dan tujuh perak di Kejohanan Pencak Silat Jakarta bulan lalu. – Foto GRASIO SPORTS SILAT SCHOOL

- Foto GRASIO SPORTS SILAT SCHOOL